

Penerima biasiswa berprestij NTU ingin bukti main gitar ada kaitan dengan kejuruteraan

► **SHAHIDA SARHID**

sshahida@sph.com.sg

SEMASA di tahun pertama Maktab Rendah Victoria, Encik Haziq Yusoff Abdul Wahab hampir tidak dapat melangkah ke tahun kedua ekoran keputusan akademik yang tidak memuaskan.

Anak bongsu tiga beradik itu berkata minat bermain gitarnya yang mendalam merupakan antara sebab pelajarannya tercicir.

Oleh sebab tidak mahu masa depannya terjejas, anak muda berusia 21 tahun ini bangkit dengan semangat dan iltizam baru sehingga berjaya meraih gred A bagi kesemua lima mata pelajaran yang diambilnya, termasuk fizik, kimia dan matematik, dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'A'.

Menyusuli kejayaannya yang memberangsangkan itu, Encik Haziq dipilih sebagai antara pemegang biasiswa berprestij Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dalam Program Kejuruteraan Zaman Pembaharuan (*Renaissance*).

Beliau antara 221 mahasiswa terbaik NTU yang ditawarkan peluang memasuki program pemegang biasiswa universiti itu, yang mempunyai komponen luar negara untuk memberikan pelajar pendedahan pembelajaran berharga.

Majlis penganugerahan biasiswa itu telah disampaikan kepada pelajar pada Jumaat lalu di auditorium NTU.

Bagi program Kejuruteraan Zaman Pembaharuan misalnya, semasa tahun ketiga, mahasiswa akan dapat menjalani sesi pertukaran pelajar selama setahun di universiti rakan kongsi NTU.

Ini termasuk Universiti California, Berkeley (Amerika Syarikat), Imperial College of London (United Kingdom), Universiti Northwestern (Amerika) dan Universiti British Columbia (Canada).

Dalam program itu juga pelajar akan dapat menyatukan pembelajaran kejuruteraan, perniagaan dan seni, sekali gus membolehkan pelajar meraih ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Sains dan ijazah Sarjana dalam Pengurusan Teknologi di akhir pengajian selama empat setengah tahun.

Encik Haziq, yang minat meneroka bidang kejuruteraan audio, tidak menyangka minatnya pada gitar boleh disatukan dengan kecenderungannya dalam mata pelajaran fizik dan kejuruteraan.

"Mungkin orang selalu memandang serong terhadap lelaki Melayu yang bermain gitar tetapi saya mahu menghapuskan pandangan sedemikian dengan menunjukkan bahawa permainan gitar ini juga mempunyai kaitan dengan kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan bunyi bagi menghasilkan kesan bermutu semasa gitar dipetik," katanya.

Mengongsi cabaran yang bakal ditempuhinya



ENCIK HAZIQ: Pemegang biasiswa berprestij Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dalam Program Kejuruteraan Zaman Pembaharuan (*Renaissance*) ini tidak sangka minatnya pada gitar boleh disatukan dengan kecenderungannya dalam mata pelajaran fizik dan kejuruteraan. – Foto KHALID BABA

mengikuti program biasiswa tersebut, bekas pelajar Sekolah Menengah Tanjong Katong itu berkata kebanyakan sesi ceramah bersifat video.

Ini bermakna betapa pentingnya beliau sentiasa menyaksikan video ceramah itu sebelum mengikuti kelas tutorial.

"Saya jenis pelajar yang suka belajar pada saat-saat akhir kerana saya dapat memproses maklumat dengan lebih pantas lagi apabila tertekan. Jadi, bagi program ini saya perlu mengambil langkah berbeza bagi memastikan saya tidak ketinggalan dalam pelajaran," katanya lagi.